

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : **TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

SOALAN NO. 423

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan masalah penghisapan "*vape*" di kalangan murid-murid sekolah. Apakah tindakan atau usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk membanteras penghisapan "*vape*" ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Siaran Bilangan 17 Tahun 2015 bertarikh 1 Disember 2015: Larangan Penggunaan Rokok Elektrik atau *Vape* di Sekolah. Surat berkenaan telah dihantar kepada semua sekolah di seluruh Malaysia melalui Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri. KPM telah memaklumkan larangan penggunaannya sama ada membawa, menghisap, mengedar, menjual, memiliki, menyimpan, mempamerkan, menyiarkan, menyebarkan atau mengiklankan rokok elektronik atau *vape* termasuk *liquid* dan alatan yang berkaitan dengannya. Seterusnya rokok elektronik atau *vape* **dilarang** penggunaannya dalam kawasan sekolah.

Antara usaha lain yang telah dilaksanakan ialah penguatkuasaan undang-undang sekolah, pemeriksaan kepada murid yang membawa bahan larangan ke sekolah dan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dengan mewujudkan Pegawai Perhubungan Sekolah bagi membantu mengawal salah laku murid.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

SOALAN NO. 424

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar '*autisme*' di sekolah kebangsaan bagi tahun 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Statistik murid berkeperluan khas kategori *autisme* di sekolah kebangsaan sehingga 30 Jun 2019 adalah seramai 8,171 orang.